



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19
COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)

**PENEKANAN KEPADA PROGRAM JANGKAUAN (*OUTREACH PROGRAMME*)
DENGAN PERHATIAN KHUSUS DIBERI KEPADA TUJUH BUAH NEGERI**

Dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Menteri Kesihatan YB Khairy Jamaluddin, dua keputusan utama telah dibuat berkenaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pertama sekali, saya telah menyarankan agar perhatian khusus diberikan kepada tujuh buah negeri iaitu Sabah, Kelantan, Kedah, Johor, Perak, Terengganu dan Pahang yang mempunyai kadar vaksinasi kurang daripada 55 peratus.

Melalui pendekatan *whole of government*, CITF akan memberi penekanan kepada peningkatan jumlah program jangkauan (*outreach programme*) di negeri-negeri dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Angkatan Tentera Malaysia untuk penggunaan aset yang berkenaan dalam memastikan vaksin COVID-19 dapat disuntik kepada penduduk yang jauh di pedalaman.

Untuk makluman, 17 organisasi telah diberikan kebenaran bagi melaksanakan PPV bergerak di bawah PICK. CITF menyeru agar negeri-negeri terus berhubung dengan organisasi ini yang berpengalaman menjalankan program PPV bergerak.

Inisiatif vaksinasi secara pandu lalu dan *walk-in* juga akan terus diperhebatkan dan diperluaskan lagi. Negeri-negeri adalah disaran untuk membuka lebih banyak PPV pandu lalu sekiranya masih terdapat keperluan untuk meningkatkan kapasiti.

Berikut pula merupakan kemaskini terbaharu inisiatif *walk-in* di negeri-negeri setakat 3 September 2021:

1. **Sabah:** *Walk-in* dibenarkan untuk individu 18 tahun ke atas.
2. **Terengganu:** *Walk-in* dibenarkan di semua PPV Awam dan Integrasi untuk individu 18 tahun ke atas dan pemastautin di Terengganu bermula 5 September 2021.
3. **Kelantan:** *Walk-in* dibenarkan untuk individu 40 tahun ke atas, individu dengan komorbiditi, ibu mengandung dan ibu menyusu melalui pra-tempahan di 09-7743099 dan 09-7742099.
 - **Pasir Puteh dan Jeli:** Dibenarkan di PPV Awam bagi warga emas dan OKU.
 - **Tumpat:** Dibenarkan bagi warga emas, individu dengan komorbiditi dan ibu mengandung.
 - *Walk-in* bagi individu 18 tahun ke atas telah bermula di PPV Guchil, PPV Manik Urai dan Dabong, Klinik Kesihatan Pahi, Dewan UITM Machang serta Dewan Perpaduan Machang.
4. **Pahang:** *Walk-in* bersasar kepada warganegara di empat buah daerah:
 - **Bera:** Bermula 4 September 2021.
 - **Bentong, Lipis dan Cameron Highlands:** Bermula 6 September 2021.
5. **Perak:** *Walk-in* dibenarkan di semua PPV Awam untuk individu berumur 50 tahun ke atas atau OKU. Vaksinasi untuk individu dengan komorbid (termasuk obesiti) dan ibu mengandung memerlukan tempahan awal.
6. **Perlis:** *Walk-in* dibenarkan di PPV Kubang Gajah, Kangar sejak 1 September dengan waktu operasi bermula Isnin hingga Jumaat (8.30 pagi – 3.00 petang) untuk semua kategori warganegara dan bukan warganegara.
7. **Johor:** *Walk-in* dibenarkan di PPV terpilih bergantung kepada daerah masing-masing.
8. **Sarawak:** *Walk-in* untuk Sarawak perlu merujuk kepada maklumat terkini dari PPV yang berdekatan. *Walk-in* bagi pemberian Dos 1 akan berakhir pada 6 September 2021.
9. **Kedah:** *Walk-in* dibenarkan untuk individu 40 tahun ke atas di daerah Kuala Muda, Yan, Padang Terap dan Bandar Baharu. *Walk-in* untuk 18 tahun ke atas bagi warganegara dibenarkan di Kota Setar dan Langkawi, sementara bukan warganegara juga dibenarkan di Langkawi.
10. **Pulau Pinang:** *Walk-in* dibenarkan bagi warga emas (60 tahun ke atas).
11. **Melaka:** *Walk-in* dibenarkan untuk individu 50 tahun ke atas atau OKU di PPV Awam. *Walk-in* untuk warganegara 18 tahun ke atas bermula 3 September 2021 di PPV Mega (PPV Stadium Hang Jebat dan Stadium Jasin).

Inisiatif *walk-in* di negeri-negeri ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Orang ramai boleh membuat semakan di Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing untuk maklumat lanjut.

Keduanya, saya telah menyarankan agar sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah keseluruhan vaksin yang diagihkan ke negeri-negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri diperuntukan kepada Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN). Ini selari dengan perbincangan di sidang Majlis Keselamatan Negara baru-baru ini untuk memperhebatkan lagi usaha pemvaksinan pekerja warga negara atau bukan warga negara sama ada di PPVIN statik atau secara jangkauan luar.

Untuk rekod, antara strategi vaksinasi yang telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob adalah mempercepatkan vaksinasi di negeri-negeri di Pantai Timur dan Johor bagi mengelakkan sebarang masalah sewaktu musim tengkujuh, memastikan peruntukan bekalan vaksin mencukupi untuk diberikan kepada PPV Industri di bawah program PIKAS dan dicadangkan 5-10% daripada vaksin yang dibekalkan kepada negeri diperuntukan untuk pelaksanaan PPV Industri, dan Sabah disaran untuk mengutamakan pemberian vaksinasi kepada warganegara dan pihak industri.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat
#Lindung Diri, Lindung Semua.

DATO' SRI DR. ADHAM BABA
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi
Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19

3 September 2021

- TAMAT -